

# Pembuangan bayi

Berita Harian 15-21 Julai 2010

Baby Hatch penyelesaian hanya untuk jangka pendek *m/s 15*

**K**EMENTERIAN Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan kerjasama Orphan Care, baru-baru ini melancarkan pusat perlindungan bayi (Baby Hatch) bertujuan mewujudkan tempat khas kepada ibu terdesak daripada membuang bayi mereka.

Saya secara amnya bersetuju dengan langkah kementerian menubuhkan Pusat Jagaan Bayi Tidak Diingini yang dilihat sebagai langkah menangani gejala pembuangan bayi yang semakin serius hari ini.

Namun, penubuhannya dilihat bukanlah penyelesaian terbaik kepada masalah yang wujud ini. Apa yang dilakukan itu hanya sebahagian penyelesaian jangka pendek.

Penubuhan pusat itu ditakuti akan mendatangkan kesan besar kepada masyarakat khususnya golongan remaja, seolah-olah memberi lampu hijau kepada mereka untuk melakukan zina.

Hal ini kerana mereka sudah tidak perlu risau melahirkan bayi kerana sudah ada tempat khas untuk menempatkan bayi berkenaan. Justeru, penubuhan pusat itu dilihat seolah-olah menjadi penerus kepada gejala sosial yang berlaku.

Saya berpendirian sudah sampai masanya masyarakat khususnya generasi muda kembali kepada pendekatan agama di samping memberi pendidikan dan kesedaran kepada masyarakat bagi menangani gejala ini.

Pihak berwajib seharusnya bertindak menggubal undang-undang syariah lebih tegas dan seterusnya bertindak melaksanakannya secara berperingkat kepada mereka terbabit.



SATU daripada banyak kes pembuangan bayi kini sedang melanda masyarakat.

Sebagai contoh, pelaksanaan hukuman sebat ke atas pezina yang belum berkahwin dan hukuman rejam kepada pezina yang sudah berkahwin sebagaimana dituntut syariat Islam.

Itu adalah tindakan tegas bagi menangani isu yang tidak pernah berkesudahan. Perkara ini perlu diteliti lebih mendalam kerana hukuman bagi jenayah syariah di negara ini dipandang enteng sesetengah golongan masyarakat yang berkemampuan untuk membayar denda yang dianggap tidak seberapa itu.

Perkara yang sama pernah dibangkitkan seorang peguam syarie, Zainul Rijal Abu Bakar pada Seminar Isu-isu Mahkamah Syariah ke -10 Peringkat Kebangsaan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) November

2008, bertema 'Ke Arah Memperkasakan Pentadbiran Keadilan Jenayah Di Mahkamah Syariah Malaysia'.

Masih wujud kelemahan dalam sistem pendidikan dan sosial di negara ini yang menjadi faktor utama menyumbang ke arah peningkatan gejala pembuangan bayi di negara ini.

Justeru, kerajaan perlu mengkaji dengan lebih terperinci mengenai keberkesanan kedua-dua sistem terbabit supaya masalah ini dapat dibendung secepat mungkin.

Penyemakan semula sistem pendidikan negara khususnya sistem pendidikan Islam dan pelaksanaannya dalam masyarakat sangat perlu dilakukan sebagai nilai tambah kepada usaha kerajaan membendung gejala sosial di negara ini dan tidak

menyasarkan penubuhan Baby Hatch bukanlah satu penyelesaian yang mutlak kepada pengurangan masalah pembuangan bayi di negara ini.

Sebagai mahasiswa, saya menyeru kerajaan supaya mengambil pendekatan bersifat menyeluruh dengan membendung gejala ini dari akar umbi lagi.

Kerjasama semua pihak termasuk kerajaan, media massa, ibu bapa, institusi pendidikan, golongan ulama serta masyarakat perlu berperanan dalam menangani jenayah pembuangan bayi ini daripada terus membarah dalam masyarakat Malaysia.

**Muhammad Firwan Norliza**  
Presiden Majlis Perwakilan Pelajar UIAM